



Ruj Tuan :
Ruj. Kami : KKM. 100-2/2/3 JLD. 4 (30)
Tarikh : 23 Julai 2021

YBhg. Tan Sri Dato' Seri Dr. Noor Hisham Bin Abdullah
Ketua Pengarah Kesihatan

Melalui :

YBhg. Datuk Dr. Chong Chee Kheong
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)


DATUK DR. CHONG CHEE KHEONG
(MMC 20177)
Deputy Director General of Health
(Public Health)
Ministry of Health Malaysia

YBhg. Tan Sri,

**KENYATAAN AKHBAR KETUA PENGARAH KESIHATAN
MALAYSIA MENGENAI SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA
DAN CHIKUNGUNYA DI MALAYSIA**

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Bersama-sama ini dikemukakan Kenyataan Akhbar Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia berkenaan Situasi Semasa Demam Denggi, Zika dan Chikungunya di Malaysia bagi ME 28/2021 (11 Julai hingga 17 Julai 2021) untuk persetujuan YBhg. Tan Sri.

Sekian, terima kasih.

“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menandatangani,


(DATUK DR. NORHAYATI BT RUSLI)
Pengarah Kawalan Penyakit
Kementerian Kesihatan Malaysia



KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA DAN CHIKUNGUNYA DI
MALAYSIA

(Bagi Minggu 28/2021 dari 11 Julai hingga 17 Julai 2021)

Pada minggu ke-28, kes Demam Denggi yang dilaporkan menunjukkan penurunan sebanyak 123 kes (19.4%), menjadikan jumlah kes 511 berbanding 634 kes pada minggu sebelumnya. Tiada kematian akibat komplikasi Demam Denggi dilaporkan pada minggu ke-28. Kumulatif kes Demam Denggi sehingga kini adalah sebanyak 15,226 kes berbanding 58,645 kes bagi tempoh sama tahun 2020 iaitu penurunan 74.0% (43,419 kes), manakala kumulatif kematian adalah sebanyak sembilan (9) kematian berbanding 96 kematian bagi tempoh sama tahun 2020 iaitu pengurangan 87 kematian (90.6%) **(Lampiran A & C)**. Sebanyak 13 lokaliti hotspot dilaporkan pada minggu ke-28 berbanding sembilan (9) lokaliti hotspot pada minggu sebelumnya dengan 11 lokaliti hotspot berada di Negeri Selangor dan masing-masing satu (1) lokaliti hotspot di Perak serta WPKL & Putrajaya. **(Lampiran B & D)**.

Sistem Survelan Chikungunya merekodkan sebanyak 19 kes pada minggu ke-28 yang mana lapan (8) kes dari Perak, empat (4) kes dari Selangor, tiga (3) kes dari Pulau Pinang dan masing-masing dua (2) kes dari Kedah serta WPKL dan Putrajaya. Jumlah kumulatif kes Chikungunya sehingga kini adalah 817 **(Lampiran E)**. Bagi survelan Zika, sebanyak 891 sampel darah dan 24 sampel urin telah dijalankan saringan Zika dan hasil kesemuanya adalah negatif.

Keluarga sebagai unit terkecil dalam komuniti perlu ambil peduli serta bertindak secara proaktif untuk mencegah penularan jangkitan Demam Denggi. Lakukan aktiviti cari dan musnah sekurang-kurangnya 10 minit setiap minggu untuk mencari dan memusnahkan tempat Aedes membiak. Ambil langkah pencegahan dengan menggunakan semburan aerosol, penggunaan repelan dan bahan pembunuh jentik-jentik untuk mengawal Aedes. Sekiranya ada anggota keluarga yang menunjukkan gejala demam, sakit badan dan otot, sakit kepala dan sebagainya, segera dapatkan rawatan dari fasiliti kesihatan serta jangan bertangguh. Keluarga kita amat berharga. Hapuskan Aedes peragut nyawa. **Tiada Aedes, tiada Denggi, Chikungunya, dan Zika.**




TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH
Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

Julai 2021




Gambarajah 1: Perbandingan Kes dan Kematian Demam Denggi minggu ke- 27 dan ke- 28 tahun 2021




Gambarajah 2: Perbandingan Kes dan Kematian Demam Denggi sehingga minggu ke- 28 tahun 2021 dan tempoh sama tahun 2020

Lampiran B



Gambarajah 3: Perbandingan tren kes Mingguan Demam Denggi Malaysia Tahun 2021, 2020 dan Median 2016-2020



Gambarajah 4: Jumlah lokaliti hotspot Denggi minggu ke-28 tahun 2021

BILANGAN KES DENGGI PADA MINGGU 28/2021
(11 Julai hingga 17 Julai 2021)

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian Denggi dilaporkan				Kumulatif Kes Denggi sehingga ME 28/2021		Kumulatif Kes Denggi sehingga ME 28/2020	
		Minggu 28 (11 Julai – 17 Julai 2021)		Minggu 27 (4 Julai – 10 Julai 2021)		Kes	Mati	Kes	Mati
		Kes	Mati	Kes	Mati				
1	Perlis	2	0	3	0	15	0	46	0
2	Kedah	10	0	30	0	323	0	547	0
3	P. Pinang	10	0	6	0	247	0	562	1
4	Perak	12	0	10	0	351	1	2,078	3
5	Selangor	303	0	416	0	8,856	2	31,902	31
6	WP KL & Putrajaya	76	0	83	0	1,754	1	6,752	6
7	N. Sembilan	11	0	11	0	361	1	1,651	7
8	Melaka	11	0	5	0	415	0	1,389	5
9	Johor	23	0	27	0	1,268	1	5,716	21
10	Pahang	8	0	5	0	292	1	1,662	4
11	Terengganu	5	0	0	0	30	0	234	0
12	Kelantan	3	0	3	0	125	0	2,226	4
13	Sarawak	4	0	8	0	238	0	1,162	2
14	Sabah	33	0	27	0	947	2	2,713	12
15	WP Labuan	0	0	0	0	4	0	5	0
	MALAYSIA	511	0	634	0	15,226	9	58,645	96

Lampiran D

**LOKALITI HOTSPOT PADA MINGGU 28/2021
(11 Julai hingga 17 Julai 2021)**

NO	NEGERI	DAERAH	LOKALITI	BIL KES	TEMPOH WABAK (HARI)
1	SELANGOR	Hulu Langat	Flat Sri Nilam Bandar Baru Ampang	12	58
2	SELANGOR	Hulu Langat	Jln Suasana 3 Bandar Tun Hussein Onn	25	57
3	SELANGOR	Hulu Langat	Blok N-X P/puri Baiduri Bandar Tasik Kesuma	18	55
4	SELANGOR	Petaling	E13. Usj 11/3	12	46
5	SELANGOR	Petaling	E13. Ss 17/1	8	37
6	SELANGOR	Hulu Langat	Jln 8/16-23 Sek 8 Bandar Baru Bangi	14	36
7	WPKL	Lembah Pantai	Amadesa Resort Condominium	7	35
8	PERAK	Kinta	Tmn Pakatan Jaya	11	35
9	SELANGOR	Hulu Langat	Tmn Kajang Baru Sungai Chua	10	33
10	SELANGOR	Petaling	E5. Sek U5 (Subang Murni Teres : Jln U5/140 - 162)	7	33
11	SELANGOR	Petaling	E12. Tm Pjs 2c Apt Medan Jaya (Blok I)	5	32
12	SELANGOR	Petaling	E13. Tmn Perindustrian Sime Uep Subang (Jln Tp)	18	32
13	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Taman Desa Serdang	4	31

Lampiran E

**PECAHAN KES CHIKUNGUNYA MENGIKUT DAERAH DAN NEGERI
SEHINGGA MINGGU EPID 28/2021 (17 Julai 2021)**

BIL	NEGERI	DAERAH	BIL KES (Daerah)	BIL KES (Negeri)
1.	Johor	Johor Bahru	4	77
		Kluang	1	
		Muar	5	
		Segamat	30	
		Tangkak	37	
2.	Kedah	Baling	4	122
		Kota Setar	1	
		Kuala Muda	90	
		Kulim	22	
		Langkawi	1	
		Sik	4	
3.	Kelantan	Gua Musang	1	20
		Kota Bharu	3	
		Kuala Krai	3	
		Pasir Mas	1	
		Pasir Puteh	1	
		Tanah Merah	1	
		Tumpat	10	
4.	Melaka	Alor Gajah	3	25
		Jasin	1	
		Melaka Tengah	21	
5.	Negeri Sembilan	Seremban	4	4
6.	Perak	Kinta	9	176
		Kuala Kangsar	30	
		Larut Matang & Selama	28	
		Manjung	109	
7.	Pulau Pinang	Barat Daya	29	43
		SP Selatan	1	
		SP Tengah	2	
		SP Utara	6	
		Timur Laut	5	
8.	Selangor	Gombak	18	123
		Hulu Langat	44	
		Hulu Selangor	1	
		Klang	50	
		Petaling	4	
		Sepang	6	

9.	WP Kuala Lumpur	Cheras	37	246
		Kepong	95	
		Lembah Pantai	31	
		Titiwangsa	83	
JUMLAH KUMULATIF			836	